

Golongan istimewa tak wajar disisih

Ramadan selalu menjadi bulan rebutan untuk amal jariah dan sedekah. Fenomena yang baik diteruskan, namun sia-sia jika hanya bersifat bermusim. Seharusnya, amalan ini dilestarikan, malah dipanjangkan kepada pelbagai golongan termasuk golongan kelainan upaya yang sentiasa memerlukan keprihatinan dan sokongan kita untuk menjalani kehidupan yang lebih sempurna dan bermakna.

Statistik terbaru Jabatan Kebajikan Masyarakat, sehingga Jun 2011 mendapati sejumlah 290,488 individu didaftarkan dalam pelbagai jenis ketidakupayaan. Daripada jumlah ini, wujud keperluan untuk kita sama-sama meningkatkan kesedaran dari segi kepentingan mereka, dan ia perlu menjadi satu usaha yang istiqamah.

Sungguhpun ada mengkritik golongan ini tidak mahu meningkatkan kemampuan

diri, namun, keadaan ini tidak boleh diseragamkan kepada semua. Ada antara mereka yang sentiasa berusaha memperbaiki diri, pada masa sama akur dengan kekurangan.

Beri sokongan mental, fizikal

Menyedari keperluan memupuk kesedaran dan sokongan mental dan fizikal yang diperlukan, menjadi keutamaan bagi umat Islam untuk berterusan mempermudah kehidupan golongan ini dari semasa ke semasa. Sokongan bukan saja diberikan dalam bentuk bantuan fizikal, tetapi juga bantuan mental iaitu memudahkan proses pembelajaran bagi golongan yang mengalami kesulitan mental.

Di Barat, golongan ini tidak pernah terpinggir. Keluarga tidak berasa malu mempunyai anak kelainan upaya, dan membawa mereka bersiar-siar

juga tidak menjadi masalah kerana tiada persepsi negatif, malahan wujud pelbagai kemudahan bagi membolehkan golongan ini merasai kehidupan seperti manusia normal.

Pengalaman ketika melanjutkan pengajian di United Kingdom juga membuktikan hal ini benar. Golongan ini tidak mendapat pandangan negatif masyarakat. Pada waktu petang, bapa atau ibu menyorong anak istimewa mereka menghirup udara segar di taman rekreasi berhampiran.

Keadaan ini mungkin berbeza dengan pengalaman di dalam negara kerana saya sendiri mempunyai abang kandung yang kelainan upaya.

Dilahirkan tanpa kaki, abang saya memang mendapat pandangan berbeza apabila menempuh kumpulan masyarakat luar. Apatah lagi dia lebih selesa berjalan dengan tangan berbanding

menggunakan kerusi roda.

Sebagai seorang yang aktif berpolitik dan juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Malaysia (PKIPM) Negeri Sembilan dan EXCO PKIPM, pastinya penggunaan kerusi roda melambatkan pergerakannya.

Reaksi masyarakat

Sungguhpun dikenali hampir segenap daerah, namun, wujud pelbagai reaksi masyarakat yang tidak mengenalinya apabila melihat seseorang berjalan dengan kedua-dua tangannya. Pernah sekali di luar Negeri Sembilan, seorang kanak-kanak melihat abang saya dan berkata: "Abah, orang tak ada kaki." Malangnya abah budak tadi tidak pula menjelaskan konsep kelainan upaya kepadanya, atau setidaknya tidaknya menjelaskan keunikan ciptaan Allah SWT.

Dr Siti Suriani Othman
Pensyarah Kanan Program Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia